

**Malaysia Di Landasan Betul Ke Arah Negara Berpendapatan Tinggi - Najib  
Bernama  
27 November, 2012**

KUALA LUMPUR, 27 Nov (Bernama) -- Malaysia kini di landasan yang betul dalam mentransformasi ekonominya untuk menjadi sebuah negara berpendapatan tinggi, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Beliau berkata pelan pembangunan sosioekonomi bagi 2013 bakal menyaksikan pertumbuhan sebanyak lima peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

"Pertumbuhan KDNK yang kukuh setakat ini akan membolehkan kita berusaha mendapatkan pertumbuhan lebih tinggi daripada lima peratus pada 2013. Selari destinasi kita menjadi negara berpendapatan tinggi," katanya menerusi laman Twitter.

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 5.2 peratus berbanding 5.6 peratus pada suku ketiga tahun 2012 dengan sektor perkhidmatan, pembuatan dan pembinaan sebagai penyumbang utama.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=711725>